

DIGI

CyberSAFE™

memperkenalkan



#SafeWeb4Kids

Bimbingan
Kanak-
Kanak untuk
Keselamatan
Internet



Child Rights
Coalition Asia

unicef



Protect and Save
the Children



LET'S
INSPIRE

Penerbitan asli Child Rights Coalition Asia dan Protect and Save
the Children
Hak cipta 2016

Dihasilkan melalui sokongan:
UNICEF East Asia Pacific Regional Office
Plan International
Save the Children

Digi Telecommunications Sdn Bhd
Lot 10, Jalan Delima 1/1,
Subang Hi-Tech Park,
40000 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
www.digi.com.my

Child Rights Coalition Asia (CRC Asia)
Unit 17 Block 6 Romarosa Townhomes
Luzon Avenue, Barangay Matandang Balara
Quezon City, Metro Manila
Philippines 1119
www.crcasia.org

Protect and Save the Children
No 5, Jalan 7/14 , Section 7,
46050, Petaling Jaya
Selangor, Malaysia.
www.psthechildren.org.my

Pasukan Projek
Amihan Abueva
Hazelyn Joy Bitaña
Shaney Cheng
Pobanaa a/p Herusan

Karya Seni dan Susun Atur
R. Jordan P.Santos
Caroline Chia

Terjemahan
Ilyani Binti Mohd Rosmadi

Kandungan bahan ini hasil daripada kanak-kanak yang mengikuti
Perundingan Serantau untuk Pembinaan Bahan Keselamatan
Online Kanak-Kanak yang diadakan pada 27-28 Februari 2016
di Bangkok, Thailand. Kanak-kanak dari Kemboja, Hong Kong,
Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam juga telah
menyemak bahan ini sebelum penerbitan.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula jika kebenaran bertulis
diperoleh daripada penerbit asal.

Hai, saya Haya! Saya suka berkomunikasi dengan orang melalui media sosial.



Hai, saya Lei dan saya suka belajar mengenai dunia melalui internet.



Kami di sini untuk berkongsi informasi untuk memastikan kita mempunyai

#SafeWeb4Kids



Mari mulakan!



APAKAH YANG KITA SUKA TENTANG INTERNET?




Sebelum itu, saya ingin memberitahu anda mengapa saya suka menggunakan internet.



SAYA SUKA MENGGUNAKAN INTERNET UNTUK:



Mengkaji
Topik-Topik
Yang Menarik.



Berhubung
Dengan
Rakan-Rakan.



Bercakap Dengan
Orang Yang
Terkenal.





**Tuliskan
penggunaan
internet yang lain.**



BAGAIMANA INTERNET MEMBAHAYAKAN KITA?



Internet mempunyai banyak fungsi yang baik tetapi kita haruslah sentiasa berhati-hati ketika kita menggunakannya.



MEREKA BOLEH MENGGUNAKAN INTERNET UNTUK MEMBAHAYAKAN KITA DENGAN:



Memperdayakan Kita Untuk Melakukan Perkara Yang Kita Tidak Mahu Lakukan.



Menunjukkan Foto Atau Video Keganasan.



Mendedahkan Kita Kepada Bahan Lucuh.





BAGAIMANAKAH KITA BOLEH MELINDUNGI DIRI SENDIRI?



Walaupun kadangkala internet boleh membahayakan kita, kita boleh melakukan beberapa perkara untuk melindungi diri sendiri.



Menjadi pengguna teknologi yang bertanggungjawab.

■ INGAT PERATURAN.

Kita melayan orang lain sebagaimana kita mahu dilayani. Kita harus menghormati orang yang berurusan dengan kita melalui telefon, komputer dan teknologi.

■ MENGGALAKKAN MESEJ ONLINE YANG POSITIF .



Like Comment Share

Meimei, Raja, Suyin and 74 others

View 3 more comments



Haya You look lovely in this picture!

Like Reply 18 hrs



HAYA @Haya · 10h

That is a great thing to do @Lei!!! Proud of you. #proudsister



61



266



■ BERFIKIR SEBELUM MUAT NAIK DAN BERKONGSI PEMIKIRAN, GAMBAR DAN VIDEO.

Ingat, apa-apa yang kita kongsi secara online, walaupun dengan kawan-kawan kita, boleh menjadi kekal, tersebar luas dan susah dihapuskan.



■ SENTIASA BERHATI-HATI DAN MENJADI KRITIS KETIKA MENGGUNAKAN GAJET.

Kita menggunakan gajet kita hanya di tempat dan masa yang sesuai.

Mengikut pandangan anda, wajarkah untuk menggunakan gajet ketika anda :

	Ya	Tidak	Mungkin
Makan malam bersama rakan-rakan?	☐	☐	☐
Berjalan di jalan raya?	☐	☐	☐
Menonton wayang atau bermain?	☐	☐	☐

■ MENGAWAL MASA KITA APABILA MENGGUNAKAN INTERNET.

Internet tidak menguasai hidup kita. Kita mempunyai tanggungjawab lain selain daripada internet.

Mengikut pandangan anda, berapa lama masa sepatutnya diperuntukkan untuk menggunakan komputer, komputer riba, tablet, telefon bimbit, dan gajet-gajet lain?




BAGAIMANA KITA BOLEH MELINDUNGI DIRI SENDIRI?





Berhati-hati setiap kali kita menggunakan internet.

Melindungi privasi kita adalah sangat penting semasa kita online.



- **KITA BOLEH MENGGUNAKAN SETING PERSENDIRIAN DI DALAM AKAUN MEDIA SOSIAL KITA.**



- **BERHATI-HATI DALAM MENDEDAHKAN INFORMASI PERIBADI.**

Apakah jenis-jenis terbitan yang seharusnya dikongsi kepada orang awam?

- Berita
- Kempen
- Dan semua informasi lain yang boleh membantu komuniti


Apakah jenis-jenis terbitan yang seharusnya dikongsi kepada keluarga dan rakan-rakan sahaja?

- Gambar dan video peribadi
- Lokasi terkini
- Dan semua maklumat lain yang patut kekal rahsia



- **DALAM MEDIA SOSIAL, KITA MEMILIH KENALAN YANG HANYA KITA BETUL-BETUL KENAL SAHAJA.**

- KITA BOLEH MENYEKAT ATAU BERHENTI BERKOMUNIKASI DENGAN ORANG, LAMAN ATAU SYARIKAT YANG MEMBUAT KITA RASA TIDAK SELESA.



Jika terdapat individu atau laman sosial yang membuat kita rasa takut, disakiti atau tidak selesa, internet boleh membantu kita untuk menjauhi mereka. Kita cuma perlu menetapkan pilihan "sekatan" dalam laman rangkaian sosial dan pelayar internet.



- KITA MEMBUAT KATA LALUAN YANG SUKAR UNTUK DICEROBOHI.



- KITA INGAT UNTUK SENTIASA LOG KELUAR.




BAGAIMANA KITA BOLEH MELINDUNGI DIRI SENDIRI?



Belajar bagaimana untuk bertindak terhadap buli siber.



Jika anda atau seseorang yang anda kenal dibuli secara online, ingat bahawa anda boleh bertindak sesuatu mengenainya.



- KITA BOLEH BERTINDAK MENENTANG PEMBULI-PEMBULI BUKAN DENGAN BERTINDAK SECARA NEGATIF TERHADAP SERANGAN MEREKA, TETAPI DENGAN TIDAK MEMPEDULIKAN MEREKA.
- KITA BOLEH BERHENTI MEMPERCAYAI PERKARA BURUK YANG DIKATAKAN OLEH PEMBULI.
- KITA BOLEH MENYEKAT AKAUN PEMBULI DAN MESEJ MEREKA.
- KITA BOLEH MEMBERI SOKONGAN KEPADA SESEORANG YANG BERPENGALAMAN DIBULI.
- KITA BOLEH MEMINTA SOKONGAN DARIPADA RAKAN RAKAN, IBU BAPA DAN ORANG LAIN YANG BOLEH DIPERCAYAI.

Jadikan contoh yang baik dan dapatkan bantuan.

- KITA BOLEH MENJADI CONTOH YANG BAIK KEPADA KANAK-KANAK YANG LAIN.

Mari tunjukkan kepada kanak-kanak yang lain bagaimana untuk menggunakan internet secara selamat. Kita boleh berkongsi risalah ini dengan rakan-rakan dan keluarga.

- KITA BERSUARA DAN MEMINTA BANTUAN.

Jika kita merasa tidak selesa terhadap mana-mana pengalaman online, kita sentiasa boleh menyoalrakan kepada orang dewasa dan meminta pertolongan mereka.

BAGAIMANA KITA BOLEH MEMINTA PERTOLONGAN?



Kita boleh beritahu kepada orang lain seperti ibu bapa, guru atau orang dewasa yang dipercayai jika kita merasa tidak selamat atau tidak selesa dengan sesuatu yang berlaku dalam online. Kita juga boleh melaporkan salah laku buruk kepada pihak berkuasa melalui talian bantuan atau platform lain yang ada.


Apakah situasinya?	Apa yang boleh kita lakukan?
Kita melihat gambar atau video kanak-kanak yang didera.	Kongsikan link kepada rangkaian sosial pihak polis dan pusat kebajikan sosial.
Kita melihat gambar atau video kanak-kanak yang disuruh untuk berbogel dan melakukan perbuatan yang tidak senonoh.	Laporkan link kepada syarikat rangkaian sosial tersebut.
Kita melihat terbitan yang mengandungi kata-kata yang negatif.	Laporkan link kepada syarikat rangkaian sosial tersebut.
Terdapat seorang dewasa yang meminta anda untuk melakukan perkara yang anda tidak mahu.	Hubungi talian bantuan. Laporkan profil orang tersebut kepada laman rangkaian sosial.
Terdapat seorang dewasa yang meminta rakan anda untuk melakukan perkara yang dia tidak mahu.	
Anda berkongsi gambar atau video anda yang tidak sopan, kemudian anda menyesal dan merasa takut.	Padam gambar atau video tersebut dengan segera. Laporkan gambar atau video tersebut agar laman rangkaian sosial boleh membantu dalam menghapuskan kesannya juga. Hubungi talian bantuan.
Seseorang menyunting gambar anda yang membuat anda merasa tidak selesa atau takut.	Laporkan gambar yang tidak sesuai tersebut kepada laman rangkaian sosial. Hubungi talian bantuan.
Kita mempunyai seorang rakan yang sedang diugut oleh orang lain.	Hubungi talian bantuan.
Kita ternampak seseorang yang sedang dibuli.	Laporkan post, gambar atau video yang tidak sesuai tersebut kepada laman rangkaian sosial.

BAGAIMANAKAH KITA MEMINTA BANTUAN?



Apa itu talian bantuan?

Talian bantuan merupakan perkhidmatan di mana kanak-kanak boleh menghubungi untuk bercakap mengenai masalah mereka, meminta nasihat atau meminta bantuan.




Adakah anda tahu nombor - nombor yang boleh berhubung untuk mendapat bantuan?

Senaraikan nombor- nombor tersebut di bawah.

NAMA AGENSI	NOMBOR TELEFON	AKAUN SOCIAL MEDIA	WAKTU OPERASI
P.S the Children	03-79574344 03-79574355	 P.S.TheChildren	Isnin - Jumaat 8.30am - 5.30pm
Befriender	03- 79568144 03- 79568145	 BefriendersKL	24 Jam
Talian Kasih	15999	 TalianNur	24 Jam

RUMUSAN



Mari kita semak semula apa yang telah kita pelajari untuk menjadikan internet selamat untuk kanak-kanak seperti kita.

MENJADI PENGGUNA TEKNOLOGI YANG BERTANGGUNG JAWAB.

BERHATI-HATI SETIAP KALI KITA BERHUBUNG DENGAN INTERNET.

BELAJAR BAGAIMANA UNTUK BERTINDAK TERHADAP BULI SIBER.

MENJADI CONTOH YANG BAIK DAN MEMBERI PERTOLONGAN.

Bantulah kami untuk melindungi kanak-kanak yang lain juga! Kongsi kan informasi yang telah anda pelajari daripada bahan ini agar kita boleh melindungi diri kita bersama.

#SafeWeb4Kids

Adalah baik untuk kita jika kanak-kanak boleh melakukan sesuatu untuk melindungi diri sendiri.





**Child Rights
Coalition Asia**

Child Rights Coalition Asia (CRC Asia)

CRC Asia ialah merupakan rangkaian serantau hak kanak-kanak dan organisasi hak manusia yang bertujuan untuk mengalirkan perspektif hak kanak-kanak dan agenda ke dalam proses serantau dan advokasi antarabangsa.

www.crcasia.org



UNICEF

UNICEF beroperasi untuk memastikan kanak-kanak menikmati hak yang dijamin kepada mereka dalam Konvensyen Hak Kanak-kanak, yang telah disahkan oleh setiap negara di Asia Timur dan Pasifik. Kami bekerja di 27 negara dalam peranan untuk menterjemahkan komitmen ke dalam tindakan praktikal, memberi tumpuan khas kepada kanak-kanak yang paling lemah dan dikesualkan.

www.unicef.org/eapro



Pelan Antarabangsa

Ditubuhkan 7 tahun yang lalu, Pelan merupakan salah satu daripada organisasi perkembangan kanak-kanak yang terawal dan terbesar di dunia. Kami bekerja di 51 buah negara sedang membangun merentas Afrika, Asia dan Amerika untuk memperkenalkan hak kanak-kanak dan mengeluarkan jutaan kanak-kanak daripada belenggu kemiskinan. Pelan adalah badan persendirian, dengan tidak berasaskan agama, politik atau fahaman kerajaan.

www.plan-international.org/asia



Protect and Save
the Children

P.S. The Children

Perubuhan Pelindung dan Penyelamat Kanak-kanak Selangor dan Kuala Lumpur (P.S. The Children) merupakan sebuah organisasi yang menumpukan usaha untuk membina sebuah komuniti yang selamat di mana kanak-kanak dilindungi daripada penderaan seksual dan eksploitasi. Sebagai sebuah perubuhan tunggal yang berkomited terhadap pencegahan, intervensi, dan rawatan pemulihan penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia, P.S. The Children telah membangunkan dan memurnikan satu pendekatan yang strategik.

www.psthechildren.org.my



Save the Children

Save the Children

Save the Children beroperasi di lebih daripada 120 negara. Kami menyelamatkan nyawa kanak-kanak. Kami berjuang untuk hak mereka. Kami membantu dalam memenuhi potensi mereka.

www.savethechildren.org.ph



Digi CyberSAFE™

Digi CyberSAFE™ adalah program kesedaran keselamatan siber, terutamanya untuk kanak-kanak supaya menjadi warganegara digital yang bertanggungjawab.

www.digi.com.my/digicybersafe